

28 AUG 1997

Mahathir-Levi

BILANGAN RUMAH UNTUK RAKYAT TEMPATAN MENCUKUPI

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan hanya membuat keputusan menghapuskan levi terhadap rakyat asing yang membeli hartanah bernilai RM250,000 dan ke atas di negara ini setelah berpuas hati terdapat bilangan rumah yang mencukupi dan mampu dibeli rakyat tempatan.

Perdana Menteri berkata, keputusan menarik balik levi sebanyak RM100,000 itu juga wajar bagi membolehkan pasaran hartanah bagi unit-unit berkenaan menjadi laris semula kerana kerajaan tidak mahu melihat rumah-rumah yang dibina tidak mempunyai pembeli.

"Kita dapati bilangan rumah cukup untuk orang tempatan. Di Johor pun keadaan macam itu juga kerana mereka mempunyai rumah yang cukup supaya penduduk tempatan tidak akan kekurangan peluang untuk membeli rumah," katanya ketika ditanya Bernama selepas rakaman perutusannya sempena Hari Kebangsaan yang ke-40 di Angkasapuri, di sini hari ini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan langkah kerajaan menghapuskan levi itu berkuatkuasa hari ini.

Levi yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1996 itu bertujuan mengurangkan kegiatan spekulasi pasaran hartanah di negara ini di samping mengawal pembelian hartanah oleh rakyat asing, terutama di bandar-bandar besar seperti Johor Baharu, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, ketika kerajaan membuat keputusan mengenakan levi RM100,000 terhadap rakyat asing yang membeli hartanah bernilai RM250,000 dan ke atas, ia dilakukan setelah mendapati terlalu ramai rakyat asing membeli rumah di negara ini pada masa itu.

"Jadi sekarang ini kerana pembelian itu sudah tidak begitu ketara, kita hapuskan levi ini supaya pasaran menjadi lebih laris kerana kita tak hendak rumah-rumah dibangunkan dengan tidak ada pembeli," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat tempatan juga tidak perlu bimbang dengan langkah itu kerana projek-projek perumahan di negara ini dibina dan dijual pada kos yang berbeza-beza iaitu murah, sederhana dan mahal.

"Jadi kalau kita tidak mampu yang mahal, kita beli yang sederhana," katanya.

Semalam, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) melahirkan kebimbangan mengenai kemungkinan para pemaju perumahan akan mengambil kesempatan membina lebih banyak rumah kos tinggi selepas levi itu dihapuskan.

"Saya tak fikir macam itu. Kalau ada permintaan untuk rumah yang kosnya sederhana, mereka akan mengadakan. Kita (kerajaan) juga telah menentukan dasar perumahan supaya semua pemaju mengadakan rancangan untuk membina rumah murah," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

AH NMO